

# KUMPULAN CERITA RAKYAT SARAWAK

## ASAL ADAT GAWAI

**PADA** suatu ketika dahulu ada seorang lelaki bernama Ayang'. Pada suatu hari, semasa dia sedang berlayar di tengah-tengah laut, jong yang dinaikinya telah tenggelam kerana dipukul oleh ribut. Ayang' sendiri terkandas di atas pokok *sibu susang'* yang terdapat di tengah-tengah laut itu. Puncak pokok tersebut mencecah puncak sebatang pokok lagi yang tumbuh dari langit. Entah bagaimana, seekor *kang'* dari langit telah memanjat pokok itu dan *bisawit* sampai ke pokok *sibu susang'* tersebut.

"Awak buat apa disini?" Kata *Kang'* apabila ternampak Ayang' yang sedang berpaut pada pokok *sibu susang'*.

"Saya terkandas. Jong saya tenggelam dipukul ribut. Kalau awak kasihkan saya, tolonglah selamatkan saya," jawab Ayang'.

"Macam mana saya tidak kasihkan awak? Cuba awak ludahkan tapak tangan awak dulu, kemudian meloncat ke sini," kata *Kang'*.

Ayang' pun meludah tapak tangannya dan meloncat ke arah *kang'*. Dia berasa sangat hairan kerana dapat melakukannya dengan mudah sekali, seolah-olah seperti dalam mimpi saja. Selepas itu *kang'* pun membawa Ayang' menuruni pokok tersebut sehingga sampai di langit.

*Kang'* kemudian membawa Ayang' tinggal di rumah *Sikora*. *Sikora* tidak pula keberatan membenarkan Ayang' menumpang tinggal di rumahnya. Jadi mulai hari itu, tinggallah Ayang' di rumah *Sikora*. Lama-kelamaan *Sikora* bertambah sayang pada Ayang' kerana dia rajin dan ringan tulang.

Setelah beberapa lama Ayang tinggal di langit dia pun berkahwin dengan anak gadis *Sikora* yang bernama Joata. Ayang dan Joata kemudian dikurniakan seorang anak yang diberi nama Tomo' Bulan' (Bulan Tunggal). Selama Ayang' tinggal di langit dia mengambil kesempatan itu untuk mempelajari semua adat dan pantang-larang berhubung dengan *gawai* dan kerja menanam padi.

*Sikora* sendiri sebenarnya adalah semangat padi. Dia mula-mulanya adalah anak kepada lelaki bernama Mamang' dan isterinya Sipodi. Sipodi itu asalnya *wanita krua*. Oleh kerana pada masa itu belum ada wanita manusia Mamang' pun berkahwin saja dengan wanita tersebut yang ditemuinya ketika sedang membuat perahu di dalam hutan. Daripada isterinya, Sipodi itulah Mamang' mula-mula tahu tentang padai dan bagaimana untuk berhuma. Sipodi yang mula-mula mengajak Mamang' untuk menanam apa yang dipanggilnya 'padi' itu.

"Kita nak tanam apa?" Tanya Mamang'.

"Tanam padi," jawab isterinya.

"Mana benihnya?"

Rupa-rupanya wanita itu sendiri adalah semangat padi. Dari mana dia dapat benihnya tidaklah Mamang' ketahui. Apabila pokok-pokok padi itu sudah tinggi, isteri Mamang' itu akan mengambil daunnya dan membawanya pulang. Daun padi itu kemudian dimasukkan ke dalam periuk bercampur air dan ditanak. Apabila sudah kering ia bertukar menjadi nasi! Mamang' berasa hairan. Selama itu Mamang' tidak kenal pun apa itu nasi.

Pada suatu petang, sesudah memasukkan daun padi ke dalam periuk dan menanaknya seperti biasa, Sipodi pun turun ke sungai untuk mandi. Ibu mentuanya dipesan untuk menjaga api.

“Tapi nanti, jangan emak buka tudung periuknya,” kata Sipodi.

Ketika Sipodi sedang mandi ibu mentuanya yang berada di rumah telah membuka tudung periuk tempat daun padi ditanak itu.

“Apa agaknya yang dimasak Sipodi dalam periuk ini?” Fikir orang tua itu. Dia sangat terkejut apabila mendapati daun padi dalam periuk tersebut.

Apabila Sipodi balik selepas mandi dan membuka tudung periuk dia mendapati daun padi yang ditanak itu tidak semuanya menjadi nasi. Yang di atas masih kekal seperti daun padi yang asal. Hanya di bawah yang bertukar sedikit menjadi nasi. Keesokan dan hari-hari berikutnya daun padi yang dimasak tidak mahu menjadi lagi! Terpaksalah mereka mencari barang lain untuk dimakan.

Sementara itu, Sipodi yang sedang mengandung, sudah dekat tempohnya untuk bersalin.

“Tempoh saya sudah dekat. Awak dirikanlah *pongou* besar-besar. Lantai dan dindingnya buat rapat-rapat supaya tidak di masuk angin. Kalau saya bersalin nanti, tidak boleh kena angin,” kata Sipodi kepada Mamang’.

Mamang’ lalu mendirikan *pongou* yang dipesan oleh isterinya itu. Entah bagaimana lantai dan dindingnya tidak dibuat rapat-rapat seperti yang diminta oleh isterinya. Sebaliknya lantai dan dinding pokok itu dibuat jarang-jarang menggunakan kayu *palai* saja.

Apabila tempohnya sudah cukup Sipodi pun naik untuk bersalin di *pongou* yang didirikan oleh suaminya itu. Bagaimanapun anak yang dilahirkannya bukan anak biasa tetapi biji-biji padi. Biji-biji padi itu seterusnya jatuh melalui celah-celah lantai sehingga bertimbun-timbun di bawah rumah. Biji-biji padi itu terus juga keluar seperti tidak mahu habis-habis. Lama-kelamaan pondok itu penuh dengan biji padi sehingga menenggelami Sipodi sendiri. Akhirnya Sipodi yang sudah tidak dapat bernafas lagi pun mati dan terus bertukar menjadi padi.

Mamang' yang kini sudah menjadi duda tidak perlu berhuma lagi. Hasil padi yang dilahirkan oleh bekas isterinya sudah cukup untuk menampung keperluannya. Mamang' kembali melakukan kerja asalnya seperti sebelum dia berjumpa dengan Sipodi dulu.

Pada suatu hari, Mamang' telah meminta ibunya yang kini sudah tua untuk menumbuk padi. Semasa orang tua itu hendak menanak nasi daripada beras yang baharu ditumbuk dia tidak ternampak beberapa butir antah dalam beras tersebut. Dia pun menanak saja beras bercampur antah itu. Nasi itu kemudian dibungkus dalam daun *ki'* dan meletakkannya di atas tunggul kayu. Petang itu, apabila Mamang' hendak pulang ke rumah dia terlupa untuk membawa antah itu balik.

Malam itu, antah padi tersebut menjelma menjadi manusia dan pulang menyusuli Mamang'.

"Sampai hati bapak buat kami begini. Kalau tiada kami yang bapak tanam bapak tidak akan hidup. Kalau begini, sudah tidak suka, sudah gelilah bapak terhadap kami. Biarlah kami lari saja, pulang ke langit. Tidaklah kami tinggal dengan bapak lagi," kata anak yang tujuh orang itu.



“Kalau bapak nak tahu, nama kami ialah Sititi’, Sitini’, Situtung’, Situnun’, Sikoroh’, Sikomang’ dan Sijupien”. Selepas berkata demikian mereka bertujuh pun terus naik ke langit dan bertukar menjadi *Sikora*.

Ayang’ yang kini tinggal di langit, telah bertanya bagaimana dia boleh membayar balik budi *kang’* kepadanya.

“Tiada apa-apa yang saya minta sebagai upah cuma buah *konis*,” kata *kang’*. Pada musim itu bukannya ada buah lain di langit. Jadi Ayang pun pergilah mencari buah *konis* untuk *kang’* tetapi apabila *kang’* cuba menggigit buah tersebut ia mendapatinya sangat masam. Tidak jadilah *kang’* mengambil buah tersebut.

Setelah beberapa lama Ayang’ tinggal di langit *Sikora* pun menasihatkannya untuk turun ke bumi.

“Baik awak turun balik ke bumi sana. Bumi besar, luas. Dapat awak berhuma di sana,” kata *Sikora*.

Sebelum Ayang’ kembali ke bumi *Sikora* telah mengajarnya tentang segala adat dan pantang-larang berkaitan dengan kerja berhuma dan bersawah padi seperti yang diamalkan di langit. Selepas mengajar Ayang’ tentang adat dan pantang-larang itu baharulah *Sikora* menurunkan Ayang’ ke bumi menggunakan *taya*. *Taya* itu digantung dengan kulit *pogang’* yang diikat bersambung-sambung sehingga sampai ke bumi.

Apabila Ayang’ sudah kembali ke bumi dia pun mula mengamalkan adat *gawai* dan bertanam padi seperti yang dipesan oleh *Sikora*. Baharulah semangat padi mahu turun ke bumi. Itulah sebabnya kenapa orang Bidayuh dahulu mengadakan *gawai*.

Selain adat *gawai* orang Bidayuh dahulu juga mengamalkan adat *boris*. Adat *boris* ini juga dibawa turun dari langit oleh wanita yang bernama Ngoma’. Ngoma’ bersuamikan

lelaki bernama Saya. Mula-mulanya Ngoma' itu sakit sepanjang-panjang tahun. Keadaannya bertambah tenat dari hari ke hari. Bermacam-macam cara digunakan untuk menyembuhkan penyakitnya tetapi tidak juga berjaya.

Ibu roh dari langit berasa kasihan melihat penderitaan yang ditanggung oleh suami isteri itu. Pada suatu hari, ketika Saya sedang berada di huma, ibu roh pun turun ke bumi dan membawa Ngoma' naik untuk tinggal bersamanya di langit. Apabila Saya pulang dari huma petang itu dia mendapati Ngoma' sudah tiada di rumah. Dia pun bertanya pada anaknya, Romou yang masih kecil tetapi budak itu tidak tahu. Kemudian dia bertanya pada jiran, mereka juga tidak tahu. Akhirnya Saya pun menganggap Ngoma' sudah mati.

Sementara itu, Ngoma' yang kini tinggal di langit, telah dipulihkan kesihatannya oleh ibu roh. Dia juga sudah tidak ingat lagi dengan keluarganya di bumi. Setiap hari, semasa ibu roh turun ke huma, Ngoma' disuruh menjaga rumah tetapi dipesan supaya jangan sekali-kali meninjau ke bawah melalui celah-celah oyag.

Mula-mulanya Ngoma' masih dapat mentaati larangan tersebut. Bagaimanapun godaan untuk melanggarnya semakin hari semakin bertambah kuat. Jadi pada suatu hari dia pun mengambil keputusan untuk meninjau ke bawah melalui celah-celah oyag itu. Ketikah itulah dia ternampak suaminya, Saya sedang hidup dalam kesunyian di bumi. Dia pun tiba-tiba saja berasa rindu dan sedih melihat nasib lelaki itu yang terpaksa mengerjakan humanya seorang diri.

Apabila ibu roh pulang dari huma petang itu dia mendapati Ngoma' sedang bersedih. Ibu roh dapat menduga apa yang telah berlaku dalam ketiadaannya hari itu.

"Kalau begini, besok awak turun saja dan tolong suami awak di humanya," kata ibu roh.

Pada hari berikutnya ibu roh pun menurunkan Ngoma' ke bumi. Sebelum itu dia memberikan sebiji tempurung *maning* yang berisi benih padi kepada Ngoma' untuk dibawa turun ke bumi. Dia berdiri di atas tunggul kayu yang berhampiran tetapi tidak dapat dilihat oleh Saya dengan mata kasarnya.

Setiap kali Saya menugal, Ngoma' akan mengisi lubang tugalnya dengan benih padi yang dibawa turun dari langit. Apabila Saya balik untuk mengisi sendiri lubang tugal dengan benih padi dia mendapati benih padi sudah ada di dalamnya. Dia pun berasa hairan. Toleh ke kiri dan toleh ke kanan, tidak dia nampak ada orang lain di situ selain dirinya sendiri. Oleh kerana berasa geram bercampur marah Saya pun mencabut parangnya dan terus menetak tunggul kayu yang berdekatan. Melihat sedemikian Ngoma' lalu serta merta melompat lari dan pulang semula ke langit tanda disedari oleh Saya.

Apabila Saya turun menugal pagi berikutnya tiada lagi berlaku kejadian yang aneh lagi. Ibu roh telah melarang Ngoma' untuk turun menolong Saya lagi kerana perbuatan lelaki itu semalam. Itulah sebabnya kenapa orang Bidayuh melarang orang mencabut parang berdekatan dengan tunggul kayu semasa menugal.

Tahun berikutnya, setelah habis semua pantang, baharulah ibu roh membenarkan Ngoma' untuk turun ke bumi semula. Ketika padi itu sudah hampir masak dan Saya sedang membuat *tonyu* dekat humanya. Ngoma' telah pergi berjumpa dengan anaknya Romou di rumah mereka.

“Esok saya turun lagi kerana saya sudah habis pantang. Penyakit saya pun sudah sembuh. Beritahu bapak awak untuk tinggal di rumah dan tunggu saya. Tapi suruh dia pergi mandi, pakai baju, pakai sarung, suruh dia untuk buat cincin *gubang*, buat *sikipul*



*tikiyung*'. Apabila saya sampai saya akan turun dari *bak aos*, tidak dari pintu. Apabila saya hulurkan kaki dari atas *akat* suruh bapak awak sarungkan jari kaki saya dengan cincin. Beritahu dia supaya menyerahkan *sikipul tikiyung*' kepada saya dulu, baharu dia boleh bercakap dengan saya," kata Ngoma' panjang lebar kepada anaknya Romou.

Apabila Saya pulang petang itu Romou pun menceritakan apa yang dipesan oleh ibunya.

"Emak awak yang mana lagi? Dia sudah mati. Awak jangan hendak mengada-ada pula," kata Saya yang kurang percaya akan cerita anaknya itu.

Bagaimanapun hari berikutnya Saya tidak jadi turun ke huma. Dia juga melakukan segala yang dipesankan oleh Ngoma' meskipun dengan perasaan yang ragu-ragu.

Apabila matahari sudah agak tinggi sedikit Saya pun tiba-tiba terdengar bunyi 'rieng' datang dari *bak oas*. Ketika itulah dia ternampak isterinya tiba-tiba menjelma dan berdiri di atas *akat*. Sebaik saja Saya melihat wanita itu dia pun segera melakukan seperti yang diberitahu oleh anaknya semalam. Dengan demikian Ngoma' pun menjelma sepenuhnya menjadi manusia semula. Itulah sebabnya sekarang ini, kalau kita hendak bercakap dengan wanita sedang *poris boris*, kita mesti membuat dan memberi *sikipul tikiyung*' kepadanya dahulu.

Mulai hari itu, Ngoma' yang sudah kembali ke bumi, menghabiskan sebahagian daripada masa lapangnya untuk merawat orang yang sakit menerusi upacara *pinya*'.

Sumber: Kumpulan Cerita Rakyat Sarawak dalam buku *Kisah Si Sidur*